



**TERIMA**

13 MAY 2016

Ketua Pengarah Perikanan  
Putrajaya

**MEMO**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER**

<b>Kepada:</b> YBhg. Datuk Ketua Pengarah Perikanan Malaysia	<b>Salinan:</b> Fail
<b>Daripada:</b> Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber	<b>Rujukan Kami:</b> Prk.ML.08/35-22 (70) ← <b>Tarikh:</b> 13 Mei 2016

DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN  
Ketua Pengarah Perikanan  
Jabatan Perikanan Malaysia  
Putrajaya

*PCAPP*

*Amirudin*

*YBM Seman*

*Kedondong*

*melay 2 PP dg*

*YBM 2 KP UJIM*

YBhg. Datuk,

**ARAHAN Pengecualian Zon Konservasi (0 HINGGA 1 BATU NAUTIKA) DI PERAIRAN NEGERI PULAU PINANG**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima bantahan daripada nelayan-nelayan di Pulau Pinang melalui Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) berhubung pewujudan Zon Konservasi (0 hingga 1 batu nautika) melalui Pengezonan Semula Kawasan Penangkapan Ikan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Pen Mutiara memaklumkan bahawa kewujudan zon tersebut menyebabkan kawasan penangkapan ikan bagi nelayan-nelayan tradisional (Zon A) di Pulau Pinang semakin sempit. Selain itu, terdapat pelbagai industri wujud di kawasan penangkapan ikan tradisional (Zon A) di Pulau Pinang seperti kawasan *Port Limit (North Channel) Penang Port*, Zon Industri Akuakultur dan Pembinaan Jambatan Kedua (di bahagian Selatan).

3. Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Sumber telah menerima arahan daripada YBhg. Datuk untuk mengeluarkan pekeliling berhubung Arahan Pengecualian Zon Konservasi (0 Hingga 1 Batu Nautika) Di Perairan Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, bersama-sama dengan ini disertakan **ARAHAN**

**PENGECUALIAN ZON KONSERVASI (0 HINGGA 1 BATU NAUTIKA) DI PERAIRAN NEGERI PULAU PINANG (PEKELILING PELESENAN BIL. 7/2016)** untuk ditandatangani oleh YBhg. Datuk sekiranya YBhg. Datuk bersetuju dengan arahan pekeliling tersebut.

Sekian untuk perhatian dan keputusan YBhg. Datuk selanjutnya. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( TAN GEIK HONG )**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sumber  
Ibu Pejabat Perikanan  
**PUTRAJAYA**